

## TAHAP LITERASI KOMPUTER PELAJAR DAN KESANNYA TERHADAP MOTIVASI BELAJAR

### *LEVEL OF STUDENT'S COMPUTER LITERACY AND ITS EFFECT ON LEARNING MOTIVATION*

Dorah Binti Mohamed Darul<sup>1</sup>  
Noorhasimah Binti Kassim, K.B.P.A<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kota Kinabalu(PKK), Sabah, (Email: dorahpkk@gmail.com)

<sup>2</sup>Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kota Kinabalu(PKK), Sabah, (Email: rhassika@gmail.com)

#### Article history

Received date : 23-2-2022

Revised date : 24-2-2022

Accepted date : 3-3-2022

Published date : 20-3-2022

#### To cite this document:

Mohamed Darul, D., & Kassim, N. (2022). Tahap Literasi Komputer Pelajar Dan Kesannya Terhadap Motivasi Belajar. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 5(14), 33 - 38.

---

**Abstrak:** Disebabkan pembelajaran dalam talian, pelajar memerlukan tahap literasi komputer yang tinggi untuk berjaya dalam pembelajaran. Disamping itu, kemahiran dalam komputer diperlukan untuk pekerjaan dan mencipta inovasi di masa hadapan. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk menilai sejauh mana tahap literasi pelajar dan hubungannya dengan motivasi belajar. Sampel kajian adalah seramai 130 orang pelajar Politeknik Kota Kinabalu, Sabah (PKK). Kajian ini menggunakan borang soal selidik untuk mendapat data. Respon pelajar akan dianalisis secara deskriptif dan regresi linear menggunakan perisian SPSS v.26. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap literasi komputer pelajar adalah pada tahap sederhana. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara literasi komputer terhadap motivasi belajar. Kajian ini menjelaskan bahawa institusi pengajian tinggi perlu menyediakan kemahiran literasi yang lebih tinggi kepada pelajar mereka.

**Kata kunci:** Literasi komputer, motivasi belajar, Politeknik

**Abstract:** Due to online learning, students need a high level of computer literacy to succeed in learning. In addition, computer is required for jobs and creating innovations in the future. Therefore, this study was carried out to assess the extent of student literacy and its relationship with learning motivation. This study samples are based on 130 students from Polytechnic of Kota Kinabalu, Sabah (PKK). This study is using a questionnaire method to collect and obtain data. Student responses will be analyzed descriptively and linear regression using SPSS v.26 software. The findings of the study show that the level of student's computer literacy is at a moderate level. Furthermore, the findings also indicate that there is a relationship between computer literacy against learning motivation. This study clearly explain that higher institutions need to provide higher literacy skills to their students.

**Keywords:** Computer Literacy, Learning Motivation, Polytechnic

---

## Pengenalan

Pengetahuan dalam komputer dan internet telah menjadi keutamaan dalam era digital ini. Tidak kira di mana seseorang tinggal atau apa yang lakukan, internet memberikan mereka keupayaan untuk berhubung dengan sesiapa sahaja di serata dunia. Seseorang boleh membangunkan ikatan untuk kerjasama, dan mengembangkan apa sahaja yang seseorang lakukan melalui internet. Di samping itu, pengetahuan dalam komputer atau literasi komputer akan membantu seseorang menggunakan alat ini untuk mengambil bahagian dalam keseronokan dan peluang untuk mengubah kehidupan anda sendiri dan kehidupan orang lain. Celik komputer juga membantu meningkatkan kecekapan, aliran kerja (Kuek & Hakkennes, 2020) dan pengalaman keseluruhan di tempat kerja. Pekerja boleh menghasilkan lebih banyak dalam masa yang lebih singkat dan menggunakan sumber untuk melakukan lebih banyak.

Menurut Cohen (2010), literasi komputer adalah penting bagi setiap individu khususnya bagi pelajar. Bagi seorang pelajar, mempunyai kemahiran asas literasi komputer boleh membantu mereka beralih kepada kemahiran yang lebih maju seperti pengaturcaraan. Sebagai tambahan, komunikasi hari ini kebanyakannya adalah secara digital. Oleh itu mereka juga perlu memahami cara berkomunikasi dengan orang lain dengan selamat, sesuai dan berkesan melalui pelbagai alat komunikasi. Namun begitu banyak kajian yang dijalankan di negara ini mendapati bahawa masih ramai tahap pengetahuan komputer dalam kalangan pelajar adalah rendah (Ismail, Hussin & Khalid, 2005; Mohamed et al., 2012; Mahamod & Roni, 2013; Salleh et al., 2015; Peng et al., 2020). Senario ini dilihat sebagai tidak relevan disebabkan keperluan komputer dan kemajuan ICT pada masa kini. Oleh yang demikian, setiap institusi pengajian perlu mengenal pasti tahap literasi di institusi masing-masing disebabkan pada masa kini literasi sangat diperlukan dalam pembelajaran dalam talian. Justeru itu objektif kajian ini adalah untuk:

- a) Menilai tahap literasi komputer dalam kalangan pelajar Politeknik Kota Kinabalu
- b) Menentukan pengaruh literasi komputer terhadap motivasi belajar dalam kalangan pelajar Politeknik Kota Kinabalu

Kepentingan celik komputer tidak boleh diabaikan. Komputer ada di mana-mana dan telah digunakan di semua tempat seperti sekolah, pasar raya, bank, perpustakaan, doktor, doktor gigi, kedai, restoran dan lain-lain. Penguasaan komputer semakin diperlukan dalam setiap sektor pekerjaan. Kajian ini akan membantu mengenal pasti sejauh mana tahap literasi komputer dalam kalangan pelajar Politeknik Kota Kinabalu. Sekiranya tahap literasi adalah rendah, program pembelajaran komputer perlu diwujudkan bagi memberi peluang kepada pelajar untuk meluaskan ufuk mereka untuk mempelajari kemahiran yang tidak akan mereka perolehi dalam bilik kuliah.

## Sorotan Kajian

Menurut Cadiz-Gabejan dan Melinda (2021), terdapat banyak tahap literasi komputer bermula daripada penggunaan komputer asas kepada pengaturcaraan lanjutan dan seseorang mungkin tidak menyedari bahawa dirinya telah ketinggalan berkaitan komputer. Untuk memastikan seseorang itu memahami asas komputer, seseorang mampu untuk menghidupkan dan mematikan komputer menggunakan sistem pengendalian, mengendalikan aplikasi perisian, menggunakan internet dan menavigasi komputer menggunakan menu dan fungsi carian (Leonard & Thomson, 2019). Sehubungan itu, kecekapan komputer ialah satu proses di mana pelajar menunjukkan keupayaannya untuk melaksanakan kerja asas pengkomputeran peringkat sekolah. Untuk membuktikan kecekapan asas komputer, pelajar mesti menunjukkan kecekapan dalam Microsoft Word, Excel, PowerPoint dan pengkomputeran asas.

Terdapat juga kajian menunjukkan bahawa tahap literasi pelajar akan mempengaruhi prestasi akademik mereka (Avcı & Ergün, 2019; Alameri et al., 2020). Kajian yang dijalankan oleh Cadiz-Gabejan dan Melinda (2021) menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap celik komputer pelajar dalam sesuatu bidang, semakin tinggi prestasi akademik mereka. Ini menunjukkan bahawa aktiviti intervensi bilik kuliah adalah penting untuk meningkatkan tahap celik komputer pelajar. Sementara itu kajian yang dijalankan oleh Aitokhuehi dan Ojogho (2014) menegaskan bahawa pelajar celik komputer menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada bukan celik komputer dalam aktiviti akademik mereka. Tambahan pula, Jarvis dan Pastuszka (2008) menegaskan bahawa literasi komputer memainkan peranan penting dalam pencapaian akademik pelajar dan mereka perlu cekap dan mahir komputer untuk dapat beroperasi dengan cekap dalam konteks akademik. Justeru itu berdasarkan kepada hubungan antara literasi komputer terhadap prestasi akademik yang dijelaskan dalam banyak kajian, komputer literasi juga dilihat seolah-olah mendorong kepada motivasi belajar.

### Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan dalam bentuk tinjauan. Sampel kajian pelajar terdiri daripada seramai 130 pelajar Politeknik Kota Kinabalu Sabah dari pelbagai program. Teknik pensampelan rawak mudah digunakan untuk mendapatkan data kajian melalui soal selidik. Item-item dalam soal selidik dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu, demografi, literasi komputer dan kefahaman pelajar seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Analisis deskriptif dan regresi linear digunakan untuk melihat tahap literasi komputer pelajar. Penentuan tahap literasi komputer pelajar diukur berdasarkan nilai skor min sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 2. Sementara itu, analisis regresi linear digunakan untuk menentukan hubungan antara literasi komputer terhadap kefahaman pelajar dalam pembelajaran dalam talian.

**Jadual 1: Item kajian**

Kod item	Item
<b>Literasi komputer</b>	
LK1	Dapat mencari maklumat dalam talian menggunakan mesin carian ( <i>search engine</i> ).
LK2	Boleh menggunakan mesin carian ( <i>search engine</i> ) yang berbeza untuk mencari maklumat.
LK3	Boleh menggunakan strategi carian lanjutan untuk mencari maklumat yang boleh dipercayai di internet seperti menggunakan suapan web (seperti RSS).
LK4	Dapat menghasilkan kandungan digital yang mudah (contohnya teks, jadual, gambar, fail audio) dalam sekurang-kurangnya satu format menggunakan alat digital.
LK5	Dapat menghasilkan kandungan digital yang kompleks dalam pelbagai format (contohnya teks, jadual, gambar, fail audio).
LK6	Boleh menggunakan aplikasi untuk membuat laman web atau blog.
LK7	Dapat menghasilkan kandungan multimedia yang kompleks dalam pelbagai format, menggunakan pelbagai aplikasi dan persekitaran digital.
<b>Kefahaman pelajar dalam kelas online</b>	
KF1	Mudah memahami dengan jelas objektif pengajaran dalam kelas online
KF2	Mudah memahami kandungan modul pensyarah dalam kelas online
KF3	Mudah membuat latihan amali sepanjang pembelajaran dalam kelas online
KF4	Mudah untuk mengingat semula maklumat yang telah disampaikan dalam kelas online

**Jadual 2: Penentuan Tahap Berdasarkan Skor Min**

Skor min	Tafsiran
1.00– 1.99	Lemah
2.00– 2.99	Rendah
3.00– 3.99	Sederhana
4.00– 5.00	Tinggi

Sumber: Dicky et al. (2019)

## Hasil Kajian

### a) Latar Belakang Responden

**Jadual 3: Latar Belakang Responden**

	Item	n	%
Jabatan	JKA	29	22.3
	JKE	14	10.8
	JKM	19	14.6
	JP	66	50.8
	JPH	2	1.5
Kediaman pelajar	Kolej Kediaman	4	3.1
	Rumah Keluarga	126	96.9
Tahun pengajian	1 (Sem 1 dan 2)	61	46.9
	2 (Sem 3 dan 4)	30	23.1
	3 (Sem 5 dan 6)	35	26.9
	4 (Sem 7 dan ke atas)	4	3.1
Sumber kewangan pelajar	Bekerja Sendiri	6	4.6
	Biasiswa	14	10.8
	Ibu Bapa	85	65.4
	Pinjaman Pendidikan	25	19.2
Prestasi pelajar (HPNM)	2.00 - 2.99	3	2.3
	3.00 - 3.33	21	16.2
	3.43 - 3.67	41	31.5
	3.68 - 4.00	38	29.2
	Semester 1 (tiada HPNM)	27	20.8

Maklumat yang ditunjukkan dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa responden terdiri daripada pelbagai program di PKK. Disebabkan program pengajian masa kini dijalankan dalam talian, majoriti pelajar tinggal di rumah keluarga (96.9 peratus). Sekiranya dilihat daripada sumber kewangan pelajar, majoriti adalah bergantung kepada ibu bapa untuk membiayai perbelanjaan sepanjang pengajian. Dari segi prestasi pendidikan pula, secara puratanya adalah baik kerana hanya 2.3 peratus sahaja HNPM pelajar di bawah 3.00.

b) Tahap Literasi Komputer Pelajar

**Jadual 4: Tahap Literasi Komputer Pelajar**

Kod Item	Sisihan Piawai	Skor Min	Tahap
LK1	1.08	3.87	Sederhana
LK2	1.03	3.78	Sederhana
LK3	1.10	3.57	Sederhana
LK4	1.06	3.58	Sederhana
LK5	1.10	3.49	Sederhana
LK6	1.12	3.42	Sederhana
LK7	1.17	3.32	Sederhana
<b>Purata</b>		<b>3.58</b>	<b>Sederhana</b>

Dapatan dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa, item yang memperoleh skor paling tinggi adalah item LK 1 (3.87) iaitu Dapat mencari maklumat dalam talian menggunakan mesin carian (search engine), diikuti oleh item LK2 (3.78) iaitu Boleh menggunakan mesin carian (search engine) yang berbeza untuk mencari maklumat. Manakala item yang paling rendah adalah item LK 7 (3.32) iaitu Dapat menghasilkan kandungan multimedia yang kompleks dalam pelbagai format menggunakan pelbagai aplikasi dan persekitaran digital.

c) Analisis regresi linear

**Jadual 5: Ringkasan Analisis Regresi Linear Pengaruh Literasi Komputer Terhadap Motivasi Belajar Dalam Kalangan Pelajar**

Pemboleh ubah bebas	Pemboleh ubah bersandar	B	Std. Error	nilai-t	sig	Keputusan
Literasi Komputer	Kefahaman Pelajar	0.615	0.077	8.015	0.000	Signifikan

Berdasarkan kepada ringkasan hasil analisis yang ditunjukkan dalam Jadual x, menunjukkan bahawa pemboleh ubah Literasi Komputer secara positif mempengaruhi Pemboleh ubah Kefahaman Pelajar ( $\beta = 0.615$ ,  $p < 0,001$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa perubahan dalam pemboleh ubah Literasi Komputer memberi kesan kepada Kefahaman Pelajar.

**Kesimpulan**

Literasi komputer dalam kalangan pelajar ialah tahap kepakaran yang mereka miliki untuk menggunakan komputer dan teknologi berkaitan dengan cekap. Tahap kemahiran komputer boleh terdiri daripada mempunyai pengetahuan asas tentang cara menggunakan komputer untuk melaksanakan tugas pembelajaran seperti mengendalikan sistem perisian biasa, platform dan program komputer kepada mempunyai sedikit pemahaman tentang pengaturcaraan komputer. Istilah ini sentiasa berkembang berdasarkan kemajuan terkini dalam teknologi komputer. Daripada hasil kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa tahap literasi komputer pelajar PKK adalah pada tahap yang sederhana. Oleh itu, PKK harus menyokong mereka dengan menyediakan aktiviti dan program tambahan untuk meningkatkan tahap celik komputer mereka dalam bidang yang dikenal pasti. Sementara itu analisis regresi menunjukkan bahawa pengetahuan atau kemahiran menggunakan komputer akan mempengaruhi kefahaman pelajar



dan kelas dalam talian. Disebabkan pembelajaran semasa adalah sepenuhnya dalam talian, kelemahan dalam komputer dan ICT akan serba sedikit akan mempengaruhi motivasi untuk belajar dan akhirnya akan mengganggu kefahaman pelajar. Justeru itu, sistem penasihat pelajar dalam IPTA perlu mengambil ehwal pelajar mereka tentang kemahiran komputer dan mengambil inisiatif untuk membimbing pelajar dalam kelemahan komputer disebabkan pelajar adalah daripada pelbagai latar belakang. Bagi pelajar yang miskin, kemungkinan mereka tidak mampu untuk mendapatkan laptop, justeru menyumbang kepada literasi komputer yang rendah.

## Rujukan

- Aitokhuehi, J. O., & Ojogho, J. (2014). The impact of computer literacy on students' academic performance in senior secondary schools in Esan West Local Government Area, Edo State, Nigeria. *Journal of Education and Human Development*, 3(3), 265-270.
- Alameri, J., Masadeh, R., Hamadallah, E., Ismail, H. B., & Fakhouri, H. N. (2020). Students' Perceptions of E-learning platforms (Moodle, Microsoft Teams and Zoom platforms) in The University of Jordan Education and its Relation to self-study and Academic Achievement During COVID-19 pandemic. *Journal ISSN*, 2692, 2800.
- Avcı, Ü., & Ergün, E. (2019). Online students' LMS activities and their effect on engagement, information literacy and academic performance. *Interactive Learning Environments*, 1-14.
- Cadiz-Gabejan, A. M., & Melinda Jr, C. T. (2021). Students' Computer Literacy and Academic Performance. *Journal of World Englishes and Educational Practices*, 3(6), 29-42.
- Cohen, A. (2010). Characteristics of effective mobile learning. Retrieved from <http://www.brainscape.com/blog/2010/09/characteristics-of-effective-mobile-learning/> 32
- Fawareh H. M. A., Jusoh, S. (2017). The Use and Effects of Smartphones in Higher Education. *IJIM* (11), 6.
- Dicky, W., Salmy, E., & Hairunnizam, W. (2019). Self-Esteem Levels of the Indebted Lower-Income Group and the Role of Organizations in the Plantation Sector. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*.
- Hassan, N. A. B. (2010). Literasi Ict Dalam Kalangan Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan UTM, Skudai, Johor. pp. 1-8. (Unpublished)
- Ismail, N., Hussin, Z. H., & Khalid, M. K. A. (2005). Tahap literasi komputer pelajar sekolah menengah di Kedah. *Jurnal Pendidikan*, 30(1), 129-139.
- Jarvis, H. A., & Pastuszka, L. (2008). Electronic literacy, reading skills and non-native speakers: issues for EAP. *CALL-EJ*, 10(1).
- Kuek, A., & Hakkennes, S. (2020). Healthcare staff digital literacy levels and their attitudes towards information systems. *Health informatics journal*, 26(1), 592-612.
- Leonard, K., & Thomson, J. (2019). The Advantages of Being Computer Literate in the Workforce.
- Mahamod, Z., & Roni, N. S. (2013). Tahap kemahiran generik pelajar dalam pembelajaran kesusasteraan melayu. *Jurnal Teknologi*, 64(1).
- Mohamed, H., Judi, H. M., dan Zawiyah, S. F. M. N., & Yusof, M. (2012). Jurang digital dan pendidikan di luar bandar: tahap literasi teknologi maklumat dan komunikasi pelajar. *Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia Asia-Pasifik*, 1(2), 1-13.
- Peng, L. Y., Luan, W. S., Ayub, A. F. M., & Ling, W. S. (2020). Hubungan di antara Strategi Pembelajaran dengan Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi Pelajar Prasiswazah. *Malaysian Journal of Education (0126-6020)*, 45(1).
- Salleh, N. S. M., Din, R., Kamsin, I. F., Hamdan, A., Manaf, S. Z. A., Karim, A. A., & Ahmad, M. (2015). Pembudayaan literasi ict dalam kalangan pelajar orang asli menerusi persekitaran pembelajaran peribadi. *Journal of Personalized Learning*, 1(1), 46-56.